BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 05/18/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Khamis, 17 Mei 2018

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2018

Ekonomi Malaysia meningkat 5.4% pada suku pertama 2018

Pertumbuhan keseluruhan disebabkan oleh pengembangan aktiviti sektor swasta yang berterusan dan sokongan yang mantap daripada eksport bersih. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi berkembang. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi meningkat 1.4% (S4 2017: 1.0%). Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.8% pada S1 2018 (S4 2017: 3.5%), mencerminkan kesan daripada harga bahan api domestik yang lebih kecil berikutan kenaikan harga minyak dunia yang lebih rendah berbanding dengan suku tahun sebelumnya serta kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh pada suku pertama 2018.

Kestabilan kewangan berterusan dengan aktiviti pengantaraan kewangan dan pasaran domestik kekal teratur

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur walaupun volatiliti meningkat ekoran perkembangan di luar negeri. Institusi kewangan domestik terus berdaya tahan dan mempunyai kualiti aset yang mantap, keuntungan yang kukuh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Aktiviti pengantaraan kredit terus menyokong aktiviti ekonomi benar dengan sektor perniagaan dan isi rumah mengekalkan keupayaan untuk membayar balik hutang dengan baik.

Pada masa hadapan, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2018

Pertumbuhan dijangka terus menggalakkan pada tahun 2018, dengan permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Prospek pertumbuhan terus disokong oleh limpahan positf yang berterusan daripada sektor luar negeri kepada aktiviti ekonomi dalam negeri. Inflasi keseluruhan dijangka berada pada purata 2% hingga 3% pada tahun 2018, disebabkan oleh faktor kos global yang lebih kecil dan kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017. Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal rendah, disebabkan oleh kesan pindahan kos yang lebih kecil terhadap harga runcit berbanding dengan tahun 2017.

Bank juga ingin menampilkan tiga isu semasa. Pertama – 'Pertikaian Perdagangan: Implikasi Terhadap Perdagangan dan Pelaburan' – menilai kesan yang mungkin dihadapi dan implikasi dasar berikutan cadangan pelaksanaan langkah-langkah perdagangan yang diumumkan baru-baru ini oleh Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China terhadap ekonomi global dan Malaysia. Pertimbangan dasar utama termasuk meneruskan pembaharuan untuk memastikan permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan bagi mengurangkan apa-apa kejutan luaran terhadap ekonomi. Kedua – '*Global Slack* sebagai Penentu Inflasi' – meninjau pengaruh faktor-faktor yang berkaitan dengan globalisasi terhadap dinamik inflasi dalam ekonomi Asia-Pasifik. Artikel ini menonjolkan cabaran-cabaran lebih besar yang dihadapi oleh pihak berkuasa kewangan untuk membuat unjuran dan menguruskan inflasi memandangkan inflasi semakin dipengaruhi oleh faktor-faktor global. Ketiga – 'Memantapkan Kualiti dan Ketelusan Perkhidmatan untuk Pengguna Kewangan" – menyerlahkan kepada orang ramai tentang inisiatif yang diambil oleh industri kewangan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia untuk memantapkan kualiti dan ketelusan khidmat pelanggan. Inisiatif ini termasuk menetapkan piawaian perkhidmatan pelanggan seluruh

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

industri bagi sektor perbankan selain menjalankan Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan untuk menilai pengalaman sebenar pengguna.

Bank Negara Malaysia
17 Mei 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Table 1:

GDP by Expenditure Components (at constant 2010 prices)

	Share 2017 (%)	2017			2018
		1Q	4Q	Year	1Q
		Annual growth (%)			
Aggregate Domestic Demand (excluding stocks)	92.2	7.7	6.2	6.5	4.1
Private sector	*71.1*	8.2	7.4	7.5	5.2
Consumption	*53.7*	*6.7*	*7.0*	*7.0*	*6.9*
Investment	*17.4*	*12.9*	*9.2*	*9.3*	*0.5*
Public sector	*21.0*	5.8	3.4	3.3	-0.1
Consumption	*13.0*	*7.5*	*6.8*	*5.4*	*0.4*
Investment	*8.0*	*3.2*	*-1.4*	*0.1*	*-1.0*
Net Exports	7.7	-15.3	2.3	-1.9	62.4
Exports of Goods and Services	*72.8*	*9.8*	*6.7*	*9.4*	*3.7*
Imports of Goods and Services	*65.1*	*13.0*	*7.3*	*10.9*	*-2.0*
GDP	**100.0**	**5.6**	**5.9**	**5.9**	**5.4**
GDP (q-o-q growth, seasonally adjusted)	**-**	**1.7**	**1.0**	**-**	**1.4**

Source: Department of Statistics, Malaysia

Table 2:

GDP by Economic Activity (at constant 2010 prices)

Annual growth (%)	Share 2017 (%)	2017			2018
		1Q	4Q	Year	1Q
Services	54.5	5.8	6.2	6.2	6.5
Manufacturing	23.0	5.6	5.4	6.0	5.3
Mining	8.4	1.4*	-0.3	1.0	0.1
Agriculture	8.2	8.4*	10.7	7.2	2.8
Construction	4.6	6.6*	5.9*	6.7	4.9
Real GDP	**100.0**[1]	**5.6**	**5.9**	**5.9**	**5.4**

[1] Numbers do not add up due to rounding and exclusion of import duties component
* Revised

Source: Department of Statistics, Malaysia

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2017 (%)	2017			2018
		S1	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.2	7.7	6.2	6.5	4.1
Sektor Swasta	*71.1*	8.2	7.4	7.5	5.2
Penggunaan	*53.7*	*6.7*	*7.0*	*7.0*	*6.9*
Pelaburan	*17.4*	*12.9*	*9.2*	*9.3*	*0.5*
Sektor Awam	*21.0*	5.8	3.4	3.3	-0.1
Penggunaan	*13.0*	*7.5*	*6.8*	*5.4*	*0.4*
Pelaburan	*8.0*	*3.2*	*-1.4*	*0.1*	*-1.0*
Eksport Bersih	7.7	-15.3	2.3	-1.9	62.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.8*	*9.8*	*6.7*	*9.4*	*3.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*65.1*	*13.0*	*7.3*	*10.9*	*-2.0*
KDNK	**100.0**	**5.6**	**5.9**	**5.9**	**5.4**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.7**	**1.0**	**-**	**1.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Pertumbuhan tahunan (%)	Bahagian 2017 (%)	2017			2018
		S1	S4	Tahun	S1
Perkhidmatan	54.5	5.8	6.2	6.2	6.5
Perkilangan	23.0	5.6	5.4	6.0	5.3
Perlombongan	8.4	1.4*	-0.3	1.0	0.1
Pertanian	8.2	8.4*	10.7	7.2	2.8
Pembinaan	4.6	6.6*	5.9*	6.7	4.9
KDNK Benar	**100.0[1]**	**5.6**	**5.9**	**5.9**	**5.4**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
* Semakan semula

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia